



## 50,000 pelajar bakal terima peranti CERDIK pada akhir Mei 2021

*Projek perintis pembelajaran digital dilancarkan di sekolah terpilih; sebahagian inisiatif pembangunan pembelajaran digital jangka panjang CERDIK*

**KUALA LUMPUR, 25 APRIL 2021:** CERDIK ialah sebuah inisiatif jangka panjang yang menyediakan akses digital untuk pendidikan, dan merangkumi dua komponen utama - akses kepada peranti dan kesalinghubungan data. Program ini merupakan sebuah kerjasama Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Pendidikan (KPM), yang bertujuan untuk merapatkan jurang pembelajaran digital bagi sekolah rendah dan menengah di Malaysia. CERDIK akan meneroka model pembelajaran digital untuk digunapakai di masa hadapan, dan bukan sekadar inisiatif sumbangan peranti untuk jangka pendek.

Setakat ini, 13,000 peranti telah diedarkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di beberapa buah negeri. Lebih daripada 1,000 pelajar telahpun menerima peranti mereka, dan berdasarkan kapasiti rantaian bekalan semasa, CERDIK menyasarkan sekurang-kurangnya 50,000 pelajar akan menerima peranti mereka pada akhir bulan Mei ini. Pengedaran baki 100,000 peranti lagi dijangka selesai pada akhir bulan September 2021. Program perintis ini dibiayai penuh oleh GLC/GLIC dan penderma korporat, di mana setiap pihak perlu melalui proses kawal selia masing-masing.

Kesemua peranti telah disahkan yang terkini dengan kapasiti yang mencukupi untuk penaikan taraf perisian (*software upgrades*) bagi menyokong pembelajaran akademik di sekolah selama sekurang-kurangnya tiga tahun. Selain itu, pengesahan kualiti, fungsi dan keselamatan setiap alat juga perlu dipastikan untuk mencegah atau meminimumkan sebarang isu atau gangguan dalam pembelajaran kelak.

"CERDIK adalah sebuah program perintis pembelajaran digital dan ia dilaksanakan tepat pada masanya, ketika pendigitalan kian pantas berkembang dalam semua aspek kehidupan masyarakat. Malah, transformasi digital telah menjadi keperluan dalam era moden ini. Seperti yang kita dapat lihat, krisis wabak COVID-19 telah jelas membuktikan bahawa pendigitalan adalah sangat diperlukan. Di serata dunia, pembelajaran maya, misalnya, sangat penting untuk memastikan persekolahan tidak terjejas dan pendidikan dapat diteruskan," kata Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin.

SECRETARIAT

**YAYASAN  
HASANAH**  
A foundation of Khazanah Nasional

STRATEGIC PARTNERS



Supported by GLICs and their companies

**Phone**  
03-5870 4355

**Email**  
cerdik@hasanah.org.my

**Website**  
cerdik.org



Beliau juga meyakinkan ibu bapa bahawa setiap peranti CERDIK dilengkapi dengan sokongan teknikal dan jaminan yang diperlukan untuk mengurangkan gangguan dalam pembelajaran digital.

“COVID-19 telah memesatkan penggunaan digital buat orang ramai dan pembelajaran jarak jauh semakin menjadi satu kebiasaan. Program CERDIK diperkenalkan untuk merapatkan jurang sosio-ekonomi dengan memudahkan pembelajaran digital untuk golongan berpendapatan rendah. Program perintis ini membolehkan pembelajaran digital yang perlu dijadikan komponen asas dalam pendidikan anak-anak kita jika kita ingin meraih manfaat ekonomi melalui Revolusi Industri Keempat,” kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Abdul Aziz.

Kedua-dua Menteri merakamkan ucapan terima kasih kepada para penderma korporat atas sumbangan besar mereka yang telah mejayakan program perintis CERDIK. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam Program CERDIK termasuk

- 1) Khazanah Nasional Berhad (KNB) dan kumpulan syarikatnya,
- 2) Yayasan PETRONAS (YP),
- 3) Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan kumpulan syarikatnya,
- 4) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan kumpulan syarikatnya, serta
- 5) Lembaga Tabung Haji.

Inisiatif ini telah mendapat sambutan positif daripada para penerima. Buat Puan Roslaini Rustam, beliau bersyukur kerana anak perempuannya yang merupakan seorang pelajar di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang, telah menerima sebuah peranti untuk digunakan buat pembelajarannya. “Ketika guru menjalankan kelas dalam talian semasa pandemik ini, kami menghadapi masalah kerana tiada alat peranti yang mencukupi untuk dikongsi di antara lima beradik. Jadi saya harap anak-anak saya akan menggunakan alat ini untuk manfaat diri mereka,” katanya.

Encik Abdul Muslefi Mohd Yusop, seorang bapa yang anaknya juga merupakan pelajar di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang, mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam inisiatif ini. “Kami akan memanfaatkan komputer riba ini untuk kegunaan anak-anak kami, selama mana yang boleh. Kami juga akan menjaga peranti ini sebaiknya dan memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan yang elok agar anak-anak dari keluarga yang lain juga akan dapat menggunakannya kelak,” katanya.

[tamat]

**Gambar dan Video CERDIK:** [KLIK](#) untuk muat turun.

**Buat sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

Yayasan Hasanah | Shabana P. | [shabana.p@hasanah.org.my](mailto:shabana.p@hasanah.org.my) | +6019-204 6514

SECRETARIAT

**YAYASAN  
HASANAH**  
A foundation of Khazanah Nasional

STRATEGIC PARTNERS

 **KHAZANAH  
NASIONAL**

**Yayasan  
PETRONAS** 

**PNB**  
Permodalan Nasional Berhad

 **KWSP  
EPF**

Supported by GLICs and their companies

**Phone**  
03-5870 4355

**Email**  
[cerdik@hasanah.org.my](mailto:cerdik@hasanah.org.my)

**Website**  
[cerdik.org](http://cerdik.org)



## MENGENAI CERDIK

CERDIK merupakan inisiatif perintis CSR oleh syarikat GLC yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 untuk menyediakan akses digital pendidikan melalui akses kepada peranti dan sambungan data. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Kewangan (MOF), inisiatif ini dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), dan sektor swasta dan ia berusaha untuk menyokong pembelajaran yang berterusan dalam norma baharu dan memberi akses pendidikan kepada kanak-kanak sekolah yang paling memerlukan. Sekretariat inisiatif CERDIK ialah Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional Berhad.

Bagi mendapatkan maklumat dan penerangan lanjut, sila e-mel [cerdik@hasanah.org.my](mailto:cerdik@hasanah.org.my) atau layari laman [www.cerdik.org](http://www.cerdik.org).

SECRETARIAT

**YAYASAN  
HASANAH**  
A foundation of Khazanah Nasional

STRATEGIC PARTNERS



**Yayasan  
PETRONAS**



Supported by GLICs and their companies

Phone

Email

Website